



KERAJAAN NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS

PEKELILING SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS

BILANGAN 1 TAHUN 2019

BANTUAN KHAS KEWANGAN BELANJAWAN 2020

TUJUAN

1. Pekeliling Perkhidmatan ini bertujuan melaksanakan keputusan Kerajaan Negeri untuk memberi Bantuan Khas Kewangan (BKK) Belanjawan 2020 kepada pegawai Perkhidmatan Awam Negeri Sembilan selaras dengan pengumuman yang dibuat oleh YAB Menteri Besar Dato' Seri Haji Aminuddin Bin Harun pada Persidangan Ketiga (Belanjawan), Penggal Kedua, Dewan Undangan Negeri bertarikh 22 November 2019.

LATAR BELAKANG

2. Kerajaan Negeri telah membuat keputusan supaya BKK Belanjawan 2020 dibayar sebagai penghargaan kepada pegawai Perkhidmatan Awam Negeri. Kadar BKK Belanjawan 2020 yang ditetapkan adalah sebanyak sebulan gaji atau minimum RM2,000.00.

PELAKSANAAN

3. BKK Belanjawan 2020 ini dibayar kepada pegawai yang berkhidmat bersama Kerajaan Negeri Sembilan dalam tahun 2019 sekurang-kurangnya 30 hari berturut-turut (termasuk semua jenis cuti bergaji penuh yang layak) dalam tempoh 1 Januari 2019 hingga 24 Disember 2019 dengan kadar 1 bulan gaji atau minima RM2,000.00. Tarikh pembayaran BKK Belanjawan 2020 adalah 24 Disember 2019.

Pegawai Yang Layak

4. Pegawai yang layak dibayar BKK Belanjawan 2020 adalah seperti berikut:

- a. pegawai lantikan tetap, sementara, *contract of service* dan *contract for service*;

- b. pegawai yang bercuti separuh gaji / tanpa gaji tetapi tidak sepanjang tahun 2019;
 - c. pegawai yang dipinjamkan ke agensi yang diasangkan pengurusan tetapi tidak sepanjang tahun 2019;
 - d. Pegawai kontrak yang putus perkhidmatannya selama satu hari sebelum disambung semula kontrak perkhidmatannya; dan
 - e. Pegawai yang telah bersara / meninggal dunia pada tahun 2019.
5. Bantuan Khas Kewangan sebanyak sebulan gaji purata atau minimum RM2,000.00 dipanjangkan kepada Pekerja Sambilan Harian yang tempoh kontraknya telah berkuat kuasa sekurang-kurangnya 30 hari berturut-turut pada tahun 2019.

Pegawai Yang Tidak Layak

6. Pegawai yang tidak layak dibayar BKK Belanjawan 2020 adalah seperti berikut:
- a. pegawai yang berkhidmat kurang daripada 30 hari berturut-turut (termasuk semua jenis cuti bergaji penuh yang layak) dalam tahun 2019;
 - b. pegawai yang bercuti tanpa gaji sepanjang tahun 2019;
 - c. pegawai yang dipinjamkan ke agensi yang diasangkan pengurusan saraannya sepanjang tahun 2019;
 - d. pegawai yang dikenakan hukuman tatatertib dalam tempoh 1 Januari 2019 hingga 24 Disember 2019; dan
 - e. pegawai yang meletak jawatan dalam tahun 2019.

Pegawai Yang Ditangguhkan Pemberian BKK Belanjawan 2020

7. Pegawai yang ditahan kerja, digantung kerja atau surat pertuduhan telah dikeluarkan oleh Pihak Berkuasa Tatatertib, ditangguhkan pemberian BKK Belanjawan 2020. Pegawai hanya layak dibayar BKK Belanjawan 2020 sekiranya Pihak Berkuasa Tatatertib mendapati pegawai tersebut tidak bersalah.

SYARAT PEMBAYARAN

8. Pembayaran adalah berdasarkan gaji bulan Disember 2019 atau gaji akhir bulanan yang diterima pada tahun 2019.

9. Bagi tujuan pengiraan kadar kelayakan BKK Belanjawan 2020, “gaji” adalah bermaksud seperti berikut:

- a. gaji pokok/bayaran perkhidmatan;
- b. gaji pokok di gred hakiki dan Elaun Pemangkuan bagi pegawai yang memangku sesuatu jawatan;
- c. gaji yang diberi atas sebab peminjaman/ pertukaran sementara;
- d. separuh daripada gaji pokok bagi pegawai bercuti separuh gaji.

10. Bagi pegawai Perkhidmatan Awam yang bertukar masuk pada tahun 2019 layak dibayar BKK Belanjawan 2020 secara pro-rata (*proportionate*) berdasarkan bilangan hari yang layak tertakluk kepada syarat bahawa pegawai telah berkhidmat sekurang-kurangnya 30 hari berturut-turut termasuk Cuti Rehat, Cuti Sakit, Hari Rehat Mingguan dan Hari Kelepasan Am dalam tempoh 1 Januari 2019 hingga 24 Disember 2019.

KAEDAH PENGIRAAN

11. BKK Belanjawan 2020 sebanyak sebulan gaji atau minimum RM2,000.00 adalah dibayar secara pro-rata (*proportionate*) berdasarkan bilangan hari yang layak tertakluk kepada syarat bahawa pegawai telah berkhidmat sekurang-kurangnya 30 hari berturut-turut termasuk Cuti Rehat, Cuti Sakit, Hari Rehat Mingguan dan Hari Kelepasan Am dalam tempoh 1 Januari 2019 hingga 24 Disember 2019. Contoh pengiraan adalah seperti di **Lampiran A**

12. Pegawai yang dinaikkan pangkat/ dilantik secara Kenaikan Pangkat Secara Lantikan (KPSL)/ dipinjamkan/ ditukar sementara/ bertukar skim perkhidmatan pada tahun 2019, perkiraan BKK Belanjawan 2020 hendaklah berdasarkan gaji bulan Disember 2019 atau gaji akhir bulanan yang diterima pada tahun 2019. Contoh pengiraan adalah seperti di **Lampiran B**.

13. Bagi pegawai berpencen yang bersara/ meninggal dunia pada tahun 2019, BKK Belanjawan 2020 sebanyak sebulan gaji atau minimum RM2,000.00 adalah dibayar oleh jabatan terakhirnya secara pro-rata (*proportionate*) berdasarkan bilangan hari yang layak tertakluk kepada syarat bahawa pegawai telah berkhidmat sekurang-kurangnya 30 hari berturut-turut termasuk Cuti Rehat, Cuti Sakit, Hari Rehat Mingguan dan Hari Kelepasan Am dalam tahun 2019 seperti di **Lampiran C**

14. Bagi pegawai tidak berpencen yang bersara/ meninggal dunia pada tahun 2019, BKK Belanjawan 2020 sebanyak sebulan gaji atau minimum RM2,000.00 adalah dibayar oleh jabatan terakhirnya secara pro-rata (*proportionate*) berdasarkan bilangan hari yang layak tertakluk kepada syarat bahawa pegawai telah berkhidmat sekurang-kurangnya 30 hari berturut-turut termasuk Cuti Rehat, Cuti Sakit, Hari Rehat Mingguan dan Hari Kelepasan Am dalam tahun 2019.

15. Pesara Perkhidmatan Awam yang dilantik semula secara *contract of service / contract for service* dan masih berkhidmat pada tahun 2019 layak dibayar BKK Belanjawan 2020 berdasarkan gaji bulan Disember 2019 atau gaji akhir bulanan yang diterima pada tahun 2019.
16. Bagi Pekerja Sambilan Harian, BKK Belanjawan 2020 adalah sebanyak sebulan gaji berdasarkan purata gaji bulanan atau kadar minimum sebanyak RM2,000.00 tertakluk kepada tempoh kontraknya telah berkuat kuasa sekurang-kurangnya 30 hari berturut-turut dalam tahun 2019. Contoh pengiraan adalah seperti di **Lampiran E**.
17. BKK Belanjawan 2020 ini tidak boleh diselaraskan jika berlaku apa-apa keputusan dasar mengenai pelarasan gaji selepas 24 Disember 2019. Dalam keadaan di mana sesuatu keputusan dasar pelarasan gaji dalam tahun 2019 masih tidak dilaksanakan kerana kelewatan pentadbiran, pegawai layak diberi pelarasan Bantuan Khas Kewangan.

JABATAN YANG MEMBAYAR

18. Pembayaran BKK Belanjawan 2020 adalah menjadi tanggungan jabatan di mana pegawai berkhidmat pada bulan pembayaran.
19. Bagi pegawai yang bersara atau meninggal dunia dalam tahun 2019, bayaran BKK Belanjawan 2020 adalah menjadi tanggungan jabatan terakhir pegawai berkhidmat.

TARIKH KUAT KUASA

20. Pekeliling Perkhidmatan ini berkuat kuasa mulai tarikh ia dikeluarkan.

PEMAKAIAN

21. Tertakluk kepada penerimaan pakai Pekeliling ini oleh pihak berkuasa masing-masing, peruntukan Pekeliling ini pada keseluruhannya dipanjangkan kepada semua Perkhidmatan Awam Negeri, Badan Berkanun Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan Negeri.

'BERKHIDMAT UNTUK NEGARA'
'BERSIH . MUAFAKAT . SEJAHTERA'

Saya yang menjalankan amanah,

(DATO' DR. RAZALI BIN AB MALIK)

Setiausaha Kerajaan

Negeri Sembilan Darul Khusus

29 November 2019

**CONTOH PENGIRAAN
BANTUAN KHAS KEWANGAN DAN BAYARAN KHAS PRESTASI
TAHUN 2019**

Contoh 1: Pegawai Lantikan Baru Pada 1 April 2019

Puan Sharida telah dilantik sebagai Pembantu Tadbir Kewangan Gred W19 pada 1 April 2019 dengan gaji permulaan sebanyak RM1,200.00.

Pengiraan kadar kelayakan Bantuan Khas Kewangan bagi pegawai adalah seperti berikut:

$$\begin{aligned} &= 1 \times \text{Gaji Disember 2019} \times \frac{\text{bil hari berkhidmat}}{358} \\ &= 1 \times 2,000.00 \times \frac{275}{358} \\ &= \text{RM1,536.31} \end{aligned}$$

^a 275 hari - Bilangan hari berkhidmat dari 1 April 2019 hingga 24 Disember 2019

^b 358 hari - Bilangan hari dari 1 Januari 2019 hingga 24 Disember 2019 termasuk Hari Rehat Mingguan, Hari Kelepasan Am dan cuti-cutি yang melayakkan gaji

Contoh 2: Pegawai Lantikan Baru Yang Layak Dibayar Bantuan Khas Kewangan

Encik Faizal telah dilantik sebagai Penolong Jurutera Gred J29 pada 25 November 2019 dengan gaji permulaan sebanyak RM2,878.00.

Pengiraan kadar kelayakan Bantuan Khas Kewangan bagi pegawai adalah seperti berikut:

$$\begin{aligned} &= 1 \times \text{Gaji Disember 2019} \times \frac{\text{bil hari berkhidmat}}{358} \\ &= 1 \times 2,878.00 \times \frac{30}{358} \\ &= \mathbf{RM241.17} \end{aligned}$$

^a 30 hari - Bilangan hari berkhidmat dari 25 November 2019 hingga 24 Disember 2019

^b 358 hari - Bilangan hari dari 1 Januari 2019 hingga 24 Disember 2019 termasuk Hari Rehat Mingguan, Hari Kelepasan Am dan cuti-cuti yang melayakkan gaji

Contoh 3: Pegawai Ber cuti Separuh Gaji Dalam Tahun 2019

Puan Fauzan yang berkhidmat sebagai Pegawai Syariah Gred LS44 telah menggunakan kemudahan Cuti Separuh Gaji (CSG) untuk menjaga anaknya yang sakit bagi tempoh mulai 1 April 2019 hingga 30 April 2019. Pegawai telah melaporkan diri dan bertugas semula mulai 1 Mei 2019. Gaji pegawai pada Disember 2019 adalah sebanyak RM3,583.04.

Pengiraan kadar kelayakan Bantuan Khas Kewangan bagi pegawai adalah seperti berikut:

$$\begin{aligned} &= \left[1 \times \text{Gaji Disember 2019} \times \frac{\text{bil hari berkhidmat}}{358} \right] + \left[0.5 \times \text{Gaji Disember 2019} \times \frac{\text{bil hari berkhidmat}}{358} \right] \\ &+ \left[1 \times \text{Gaji Disember 2019} \times \frac{\text{bil hari berkhidmat}}{358} \right] \\ &= \left[1 \times 3,583.04 \times \frac{90}{358} \right] + \left[0.5 \times 3,583.04 \times \frac{30}{358} \right] + \left[1 \times 3,583.04 \times \frac{238}{358} \right] \\ &= \mathbf{RM883.48 + RM147.24 + RM2,382.02} \\ &= \mathbf{RM3,412.74} \end{aligned}$$

^a Bagi tempoh 1 Januari 2019 hingga 30 Mac 2019

^b Bagi tempoh 1 April 2019 hingga 30 April 2019

^c Bagi tempoh 1 Mei 2019 hingga 24 Disember 2019

^a 90 hari - Bilangan hari berkhidmat dari 1 Januari 2019 hingga 30 Mac 2019

^b 30 hari - Bilangan hari Cuti Separuh Gaji (CSG) dari 1 April 2019 hingga 30 April 2019

^c 238 hari - Bilangan hari berkhidmat dari 1 Mei 2019 hingga 24 Disember 2019

^d 358 hari - Bilangan hari dari 1 Januari 2019 hingga 24 Disember 2019 termasuk Hari Rehat Mingguan, Hari Kelepasan Am dan cuti-cutি yang melayakkan gaji

Contoh 4: Pegawai Yang Dikenakan Tindakan Tatatertib

Surat pertuduhan tatatertib terhadap Encik Mizan yang berkhidmat sebagai Pembantu Tadbir Gred N17 telah dikeluarkan pada 15 November 2019. Lembaga Tatatertib yang bersidang telah mengambil keputusan amaran dan tangguh pergerakan gaji* beliau melalui surat hukuman tatatertib yang dikeluarkan pada 20 Januari 2019. Gaji pegawai pada Disember 2019 adalah sebanyak RM1,491.01.

Pegawai **tidak layak** dibayar Bantuan Khas Kewangan 2019 sebanyak sebulan gaji atau kadar minimum RM2,000.00 kerana dijatuhkan hukuman tatatertib tangguh pergerakan gaji yang dikeluarkan pada 20 Januari 2019.

Nota:

*Hukuman tatatertib adalah diperuntukkan di bawah Peraturan 38, Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993 seperti berikut:

- (i) amaran;
- (ii) denda;
- (iii) lucut hak emolumen;
- (iv) tangguh pergerakan gaji;
- (v) turun gaji;
- (vi) turun pangkat; atau
- (vii) buang kerja

Pegawai yang dikenakan tindakan tatatertib selain daripada amaran tidak layak dibayar Bantuan Khas Kewangan.

Contoh 5: Pegawai bertukar masuk mulai 1 April 2019

Puan Suria telah bertukar masuk ke JHEAINS sebagai Pegawai Hal Ehwal Agama mulai 1 April 2019. Gaji Disember 2019 adalah RM3,583.04.

Pengiraan kadar kelayakan Bantuan Khas Kewangan bagi pegawai adalah seperti berikut:

$$\begin{aligned} &= 1 \times \text{Gaji Disember 2019} \times \frac{\text{bil hari berkhidmat}}{358} \\ &= 1 \times 3,583.04 \times \frac{268}{358} \\ &= \mathbf{RM2,682.27} \end{aligned}$$

^a 268 hari - Bilangan hari berkhidmat dari 1 April 2019 hingga 24 Disember 2019

^b 358 hari - Bilangan hari dari 1 Januari 2019 hingga 24 Disember 2019 termasuk Hari Rehat Mingguan, Hari Kelepasan Am dan cuti-cuti yang melayakkan gaji

Contoh 6: Pegawai bertukar keluar mulai 1 April 2019

Encik Hamiza telah dinaikkan pangkat dan bertukar keluar ke Jabatan Akauntan Negara 1 April 2019 dengan gaji terakhir yang dibayar sebanyak RM4,567.29.

Pengiraan kadar kelayakan Bantuan Khas Kewangan bagi pegawai adalah seperti berikut:

$$\begin{aligned} &= 1 \times \text{Gaji Disember 2019} \times \frac{\text{bil hari berkhidmat}}{358} \\ &= 1 \times 4,567.29 \times \frac{90}{358} \\ &= \mathbf{RM1,148.20} \end{aligned}$$

^a 90 hari - Bilangan hari berkhidmat dari 1 Januari 2019 hingga 31 Mac 2019

^b 358 hari - Bilangan hari dari 1 Januari 2019 hingga 24 Disember 2019 termasuk Hari Rehat Mingguan, Hari Kelepasan Am dan cuti-cutি yang melayakkan gaji

**Contoh 7: Kenaikan Pangkat Yang Tarikh Kuat Kuasanya
Dikebelakangkan Dengan Surat Penyiaran Dikeluarkan Pada
Tahun 2019**

Puan Zeqna telah dinaikkan pangkat sebagai Pegawai Teknologi Maklumat Gred F44 berkuat kuasa mulai 1 Julai 2019 melalui surat penyiaran kenaikan pangkat bertarikh 15 Oktober 2019. Gaji terakhir pegawai di Gred F41 ialah RM3,287.45. Gaji permulaan kenaikan pangkat pegawai di Gred F44 adalah RM3,512.45.

Pengiraan kadar kelayakan Bantuan Khas Kewangan bagi pegawai adalah seperti berikut:

$$\begin{aligned} &= 1 \times \text{Gaji Disember 2019} \times \frac{\text{bil hari berkhidmat}}{358} \\ &= 1 \times 3,512.45 \times \frac{358}{358} \\ &= \mathbf{RM3,512.45} \end{aligned}$$

^a 358 hari - Bilangan hari dari 1 Januari 2019 hingga 24 Disember 2019 termasuk Hari Rehat Mingguan, Hari Kelepasan Am dan cuti-cutি yang melayakkan gaji

Lampiran B

Contoh 8: Kenaikan Pangkat Yang Tarikh Kuat Kuasanya Dikebelakangkan Dengan Surat Penyiaran Dikeluarkan Pada Tahun 2020

Encik Azmi telah dinaikkan pangkat sebagai Pegawai Teknologi Maklumat Gred F44 berkuat kuasa mulai 1 Oktober 2019 melalui surat penyiaran kenaikan pangkat bertarikh 15 Januari 2020. Gaji diterima pegawai pada bulan Disember 2019 di Gred F41 ialah RM3,037.45 dan elaun memangku RM250.00. Gaji permulaan kenaikan pangkat pegawai di Gred F44 adalah RM3,512.45.

Pengiraan kadar kelayakan Bantuan Khas Kewangan bagi pegawai adalah seperti berikut:

$$\begin{aligned} &= 1 \times (\text{Gaji Disember 2019} + \text{Elaun memangku}) \times \frac{\text{bil hari berkhidmat}}{358} \\ &= 1 \times (3\,037.45 + 250) \times \frac{358}{358} \\ &= \mathbf{RM3,287.45} \end{aligned}$$

^a 358 hari - Bilangan hari dari 1 Januari 2019 hingga 24 Disember 2019 termasuk Hari Rehat Mingguan, Hari Kelepasan Am dan cuti-cutি yang melayakkan gaji

Contoh 9: Pegawai Yang Dipinjamkan Ke Badan Yang Diasingkan Pengurusan Saranya

Encik Bahri yang berkhidmat sebagai Pegawai Teknologi Maklumat Gred F48 telah dipinjamkan ke Badan Kawal Selia Air dari 1 Jun 2016 hingga 31 Mei 2019. Beliau kemudiannya telah kembali bertugas di Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri pada 1 Jun 2019. Gaji pegawai pada Disember 2019 adalah sebanyak RM5,936.91.

Pengiraan kadar kelayakan Bantuan Khas Kewangan bagi pegawai adalah seperti berikut:

$$\begin{aligned} &= 1 \times \text{Gaji Disember 2019} \times \frac{\text{bil hari berkhidmat}}{358} \\ &= 1 \times \text{RM5,936.91} \times \frac{207}{358} \\ &= \text{RM3,432.79} \end{aligned}$$

^a 207 hari - Bilangan hari berkhidmat dari 1 Jun 2019 hingga 24 Disember 2019

^b 358 hari - Bilangan hari dari 1 Januari 2019 hingga 24 Disember 2019 termasuk Hari Rehat Mingguan, Hari Kelepasan Am dan cuti-cutি yang melayakkan gaji

Lampiran C

Contoh 10: Pegawai Yang Bersara (Penerima Pencen) Pada 25 Disember 2019

Encik Aidil yang berkhidmat sebagai Pembantu Tadbir Kewangan Gred W26 telah bersara pada 25 Disember 2019. Gaji terakhir pegawai adalah RM3,497.76.

Pengiraan kadar kelayakan Bantuan Khas Kewangan bagi pegawai adalah seperti berikut:

$$\begin{aligned} &= 1 \times \text{Gaji Disember 2019} \times \frac{\text{bil hari berkhidmat}}{358} \\ &= 1 \times \text{RM3,497.76} \times \frac{358}{358} \\ &= \text{RM3,497.76} \end{aligned}$$

^a 358 hari - Bilangan hari berkhidmat dari 1 Januari 2019 hingga 24 Disember 2019

^b 358 hari - Bilangan hari dari 1 Januari 2019 hingga 24 Disember 2019 termasuk Hari Rehat Mingguan, Hari Kelepasan Am dan cuti-cutii yang melayakkan gaji

Contoh 11: Pegawai Yang Meninggal Dunia (Bukan Penerima Pencen)
Pada 1 November 2019

Puan Maria yang berkhidmat sebagai Pembantu Tadbir Kewangan Gred W26 telah meninggal dunia pada 1 November 2019. Gaji terakhir pegawai adalah RM3,497.76.

Pengiraan kadar kelayakan Bantuan Khas Kewangan bagi pegawai adalah seperti berikut:

$$\begin{aligned} &= 1 \times \text{Gaji Disember 2019} \times \frac{\text{bil hari berkhidmat}}{358} \\ &= 1 \times \text{RM3,497.76} \times \frac{304}{358} \\ &= \text{RM2,970.16} \end{aligned}$$

^a304 hari - Bilangan hari berkhidmat dari 1 Januari 2019 hingga 30 Oktober 2019

^b358 hari - Bilangan hari dari 1 Januari 2019 hingga 24 Disember 2019 termasuk Hari Rehat Mingguan, Hari Kelepasan Am dan cuti-cutি yang melayakkan gaji

Contoh 12: Pesara Perkhidmatan Awam Persekutuan Yang Bersara Pada Tahun 2017 dan Dilantik Semula Secara *Contract of Service*

Encik Lim telah bersara pada tahun 2017. Beliau seterusnya telah dilantik semula secara *contract of service* dari 1 Oktober 2017 hingga 30 September 2020 di Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri. Gaji pegawai pada Disember 2019 adalah sebanyak RM5,936.92.

Pengiraan kadar kelayakan Bantuan Khas Kewangan bagi pegawai adalah seperti berikut:

$$\begin{aligned} &= 1 \times \text{Gaji Disember 2019} \times \frac{\text{bil hari berkhidmat}}{358} \\ &= 1 \times \text{RM5,936.92} \times \frac{358}{358} \\ &= \text{RM5,936.92} \end{aligned}$$

^a358 hari - Bilangan hari dari 1 Januari 2019 hingga 24 Disember 2019 termasuk Hari Rehat Mingguan, Hari Kelepasan Am dan cuti-cutি yang melayakkan gaji

Contoh 13: Pekerja Sambilan Harian

Encik Zarul telah dilantik sebagai Pekerja Sambilan Harian (PSH) di Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri pada 1 Ogos 2019 dengan tempoh kontraknya selama 3 bulan. Beliau dibayar gaji sebanyak RM72.00 secara harian berdasarkan bilangan hari beliau berkhidmat. Setelah tempoh kontrak berakhir, pegawai telah disambung kontraknya dari 1 November 2019 hingga 31 Januari 2020.

Bulan	Bilangan hari berkhidmat*	Gaji diterima (RM)
Ogos	20	1,440.00
September	21	1,512.00
Oktober	21	1,512.00
November	21	1,512.00
Disember	20	1,440.00
GAJI PURATA		1,483.20

*tidak termasuk Hari Rehat Mingguan dan Hari Kelepasan Am

Pengiraan kadar kelayakan Bantuan Khas Kewangan bagi PSH adalah seperti berikut:

$$= 1 \times \text{gaji purata} \times \frac{\text{bil bulan berkhidmat}}{12}$$

$$= 1 \times \text{RM}2,000.00 \times \frac{5}{12}$$

$$= \text{RM}833.33$$